

Headline **Kesedaran AIDS menerusi seni**
Date **16 Jul 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **11**
Article Size **212 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,190**
PRValue **12,570**



Kesedaran AIDS menerusi seni

KUALA LUMPUR 15 Julai - Kelab Prostar Malaysia dengan kerjasama Farmas Health mengadakan Malam Apresiasi Seni dan AIDS, malam ini, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit tersebut menerusi seni.

Penaung Kelab Prostar Daerah Petaling, Dr. Ismail Lasa berkata, program itu juga bagi mengumpul dana kelab untuk mengadakan aktiviti pemulihan bagi pesakit AIDS.

"Menerusi program ini orang ramai boleh menyumbang sambil berhibur dengan persembahan yang disediakan," katanya pada majlis itu di dewan Tapak Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, dekat sini.

Pada majlis itu, hadirin dihiburkan dengan penyanyi Ramli Sarip dan kumpulan nasyid Al Syifa'. Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang, Datuk Mohamad Satim Diman.



SATIM Diman menyampaikan cek kepada Pengarah Hospital Serdang, Datuk Dr. Ardi Awang diperhatikan oleh Pengerusi lembaga pelawat hospital itu, Mohd. Shariffuddin Johan (kiri) di Serdang, Selangor, malam tadi.